



## PEMAKLUMAN

**PENGOPERASIAN SEMULA PERKHIDMATAN AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA  
(MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY, MQA)**

1. YAB Perdana Menteri dalam perutusannya pada 1 Mei 2020 menyatakan bahawa mulai 4 Mei 2020 semua sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan akan dibenarkan beroperasi tertakluk kepada syarat-syarat dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Selaras dengan itu, dimaklumkan bahawa status operasi perkhidmatan MQA adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkhidmatan
1.	<p><b>13-15 Mei 2020</b> (semua kategori permohonan)</p> <p><b>1-4 Jun 2020</b> (permohonan Badan Profesional, berkelompok dan PPT berstatus Swaakreditasi)</p> <p><b>15-18 Jun 2020</b> (permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh)</p>	<p>Penerimaan permohonan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Permohonan Akreditasi Sementara</li> <li>(ii) Permohonan Akreditasi Penuh</li> <li>(iii) Permohonan Penyenaraian Perakuan Akreditasi Sementara bagi PPT berstatus Swaakreditasi</li> <li>(iv) Permohonan Pendaftaran Kelayakan Dalam Daftar Kelayakan Malaysia dan Pengeluaran Sijil Akreditasi bagi PPT berstatus Swaakreditasi</li> </ul> <p>Kaedah penerimaan permohonan adalah melalui Kaunter Khas <i>Drop-Off</i> atau perkhidmatan Pos.</p>
2.	<p><b>Mulai 13 Mei 2020</b></p>	<p>Penerimaan permohonan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Audit Pematuhan Akreditasi Penuh</li> <li>(ii) Penilaian/ Audit Pematuhan Mata Pelajaran Pengajian Umum</li> <li>(iii) Permohonan <i>Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)</i></li> <li>(iv) Nilai Taraf dan Pengesahan Pengiktirafan Kelayakan Luar Negara</li> </ul> <p>Kaedah penerimaan permohonan adalah melalui Kaunter Khas <i>Drop-Off</i> atau perkhidmatan Pos. Kaunter Khas <i>Drop-Off</i> tidak beroperasi pada tarikh 27-29 Mei 2020.</p>

2. MQA mengutamakan perbincangan dan perundingan secara dalam talian atau maya bagi memastikan aspek keselamatan dan kesihatan bersama. Urusan yang melibatkan pertemuan secara bersemuka adalah dihadkan dengan butiran lanjut seperti berikut:

- (i) Permohonan janji temu hendaklah dibuat melalui pautan berikut: <https://www.picktime.com/AgensiKelayakanMalaysiaMQA>
- (ii) Permohonan janji temu perlu dibuat sekurang-kurangnya **dua (2) hari sebelum** tarikh cadangan pertemuan.
- (iii) MQA akan menyaring permohonan janji temu mengikut keperluan. Hanya **dua (2) orang** pelawat sahaja dibenarkan hadir bagi setiap janji temu. Setiap pertemuan dihadkan maksimum selama sejam tertakluk kepada perkara yang perlu dibincangkan. Pelawat juga perlu mematuhi garis panduan dan langkah-langkah pencegahan COVID-19 yang ditetapkan oleh MQA.

3. Pertanyaan lanjut atau khidmat nasihat khusus juga boleh disalurkan ke sistem atau e-mel berikut:

**Pertanyaan Umum** : <https://www2.mqa.gov.my/sppav2/>

---

**Pendaftaran Program** : [unitpendaftaran@mqa.gov.my](mailto:unitpendaftaran@mqa.gov.my)

---

**Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)** : [apeladmin@mqa.gov.my](mailto:apeladmin@mqa.gov.my)

---

**Nilai Taraf/ Pengesahan Pengiktirafan** : [esisraf@mqa.gov.my](mailto:esisraf@mqa.gov.my)

---

**Sijil Akreditasi/ Malaysian Qualifications Register (MQR)** : [unitsijil@mqa.gov.my](mailto:unitsijil@mqa.gov.my) / [mqr@mqa.gov.my](mailto:mqr@mqa.gov.my)

---

**Latihan Jaminan Kualiti** : [upjk.mqatc@mqa.gov.my](mailto:upjk.mqatc@mqa.gov.my)

4. Sebarang perubahan mengenai operasi perkhidmatan MQA akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)**  
**8 MEI 2020**